

**Bahagian A**

[30 markah]

*Soalan ini mesti dijawab.**Maklumat di bawah menunjukkan maklumat tentang koperasi sekolah.**Huraikan pendapat anda tentang koperasi sekolah di Malaysia.**Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

INSTITUT  
KOPERASI  
MALAYSIA

#IKMaShare

**TAHUKAH KITA ...**

Koperasi sekolah pertama yang didaftarkan di negara kita adalah pada **04 November 1969**.

Koperasi sekolah perintis yang pertama ialah **Koperasi Sekolah Menengah Dr. Burhanudin, Taiping**.

Sumber : Buku Gerakan Koperasi di Malaysia terbitan  
Maktab Kerjasama Malaysia (MKM)

*[Lihat halaman sebelah]*

**Bahagian B**

[70 markah]

*Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.*

*Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.*

**1**

Pengetahuan mengenai sejarah negara sangat cetek dalam kalangan generasi muda kini. Hal ini akan menjejaskan pembentukan bangsa pada masa hadapan. Cerdik pandai sering berkata bahawa sejarah ialah guru terbaik untuk mendidik manusia menjadikan peristiwa yang lalu sebagai teladan dan sempadan. Selain itu, masyarakat yang mengenali sejarah negara dapat memupuk semangat patriotik dan menyemai perpaduan antara kaum.

Sumber : *Berita Harian Online*

Berdasarkan petikan di atas, huraikan faedah-faedah mengenali sejarah negara.

**2**

PUTRAJAYA: Sejumlah 3.59 peratus dalam kalangan murid sekolah direkodkan sebagai ponteng sekolah yang dikesan berdasarkan Sistem Sahsia Diri Murid bagi sesi akademik 2023/2024 lalu. Berdasarkan maklum balas Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kepada Utusan Malaysia, murid dikategorikan sebagai ponteng sekolah sekiranya mereka tidak hadir ke sekolah tanpa sebab yang munasabah. Masalah ponteng sekolah ini berpunca daripada sikap murid yang tidak minat belajar.

Sumber : Internet

Huraikan faktor yang terdapat dalam petikan dan faktor-faktor lain yang mencetuskan masalah tersebut.

[Lihat halaman sebelah]

3

Nilai-nilai ketimuran seperti bersopan dan beradab dilihat tidak lagi ditekankan dalam pendidikan sama ada secara formal atau tidak. Perkara ini terjadi kerana nilai-nilai tersebut kurang ditekankan oleh institusi kekeluargaan dan pendidikan. Penghayatan nilai-nilai murni penting untuk membentuk keperibadian yang tinggi dalam diri seseorang.

Sumber: *Kosmo*, 27 April 2021

Sebagai respons terhadap petikan di atas, jelaskan langkah-langkah untuk memupuk nilai-nilai tersebut.

4

#### **Gurindam Ilmu**

Ilmu itulah gemala sakti,  
Mendidik diri berbudi pekerti.

Ilmu dituntut bangsawan dan sahaya,  
Memberi panduan mencapai jaya.

Ilmu luas tiada sempadan,  
Membuka peluang tingkat pengetahuan.

Sumber : **Nukilan Guru Akram Bahasa Melayu**

Gurindam di atas menyatakan kepentingan menuntut ilmu.

Huraikan kepentingan-kepentingan tersebut.

#### **KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

[Lihat halaman sebelah]